



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**Y.BHG.DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
RISDA FLEET SDN.BHD.2017**

**TEMPAT : RISTEC, PORT DICKSON  
TARIKH : 18 NOVEMBER 2017 (SABTU)  
MASA : 11.30 PAGI**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Y.Bhg.En.Nasarudin bin Malek**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA**
- 3. Ybhg. Dato'Bahrudin bin Awang**  
**Mantan Ketua Pengarah RISDA mewakili Pengerusi RISDA Fleet Sdn.Bhd.**
- 4. Ybhg.Dato' Zamri bin Yaakob**  
**Pengerusi NARSCO Berhad merangkap Ahli Pihak Berkuasa RISDA**
- 5. Y.Bhg.Tn.Hj.Meor Zamnis bin Meor Hassan**  
**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.**
- 6. YBhg.Dato'-Dato'/Tuan/Puan Ahli Lembaga Pengarah RISDA Fleet Sdn.Bhd.**
- 7. Ybrs. En.Nor Aziz bin Karim**  
**Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Fleet Sdn.Bhd.**
- 8. Pengarah-Pengarah Bahagian/Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**
- 9. Tuan Puan hadirin hadirat sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi- tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di RISTEC Port Dickson ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) RISDA Fleet Sdn.Bhd. Tahun 2017. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Fleet yang sudi menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya merasmikan majlis pada petang ini. Ucapan tahniah juga kepada Pengurusan RISDA Fleet kerana dapat mengadakan Majlis APC sebagai acara Tahunan Syarikat, sebagai pengiktirafan atau reward kepada pegawai yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai sepanjang tahun kepada Syarikat selaras dengan transformasi negara ke arah budaya kerja berprestasi tinggi dan berinovasi.

2. Ucapan tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada RISDA FLEET kerana telah dianugerahkan sebagai sebuah Syarikat Terbaik Kategori Modal bawah RM 5juta diperingkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebanyak 4 kali berturut-turut yang telah diterima pada 18 Oktober 2017 yang lalu. Di peringkat Pengurusan RISDA pula turut memberi pengiktirafan kepada RISDA FLEET sebagai salah satu dari Syarikat Milikan RISDA Terbaik bagi tahun 2017 sempena Hari Inovasi RISDA pada 25 Oktober 2017 yang lalu. Tahniah kepada En. Nor Aziz Karim selaku Ketua Pegawai Eksekutif RISDA FLEET dan kolobrasi ALP yang berwibawa serta sentiasa menyokong dan keberkesanan *team work* yang baik daripada warga kerja RISDA FLEET.
3. Untuk makluman semua, pengurusan RISDA amat berpuas hati dengan prestasi pembangunan RISDA FLEET kebelangkangan ini sebagai sebuah syarikat pengangkutan yang berdaya maju. Kecekapan dan kualiti penghantaran bekalan input pertanian kepada Pekebun Kecil mencapai tahap yang sangat baik di seluruh pelusuk Malaysia. Saya dimaklumkan bahawa RISDA Fleet pada tahun 2016

telah berjaya mencatatkan **Pendapatan/Perolehan** sebanyak ***RM38.270 juta***. **Keuntungan Sebelum Cukai Dan Zakat** Sebanyak ***RM5.383 juta***. Keuntungan bersih sebelum dividen sebanyak ***RM3,855 juta*** dan **Keuntungan Terkumpul** sebanyak ***RM12.541 juta***.

4. RISDA FLEET juga telah berjaya melunaskan tanggungjawab membayar Dividen kepada Pemegang Saham sebanyak ***RM500,000*** iaitu kepada **RISDA dan NARSCO** pada tahun 2017. Prestasi tahun 2017 setakat bulan Oktober, turut mencatatkan momentum prestasi yang baik iaitu sebanyak ***RM28.594 juta*** dengan **Keuntungan Kasar *RM4,7 juta*** dan **Keuntungan Bersih Selepas Cukai** sebanyak ***RM3.4 juta***.
5. Dengan kejayaan pelbagai penganugerahan yang diterima oleh RISDA FLEET, pada pagi ini, Pengurusan RISDA FLEET akan memberi Pengiktirafan kepada warga kerjanya yang telah

memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Syarikat sebagai tanda penghargaan dan terima kasih majikan kepada pekerja. Saya difahamkan sebanyak 13 kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang disediakan, merangkumi pegawai dan juga Pusat Kos dengan menyediakan hadiah wang tunai dan Pakej Umrah kepada Anugerah paling berpresteg. Pemberian Pakej umrah merupakan inisiatif yang sangat baik dan bermanfaat untuk warga kerja RISDA FLEET.

Hadiran dan Hadirat sekalian,

6. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Barisan Ahli Lembaga Pengarah, KPE RISDA FLEET Encik Nor Aziz bin Karim yang telah berjaya memajukan Syarikat dengan mencapai status Gred A bersama-sama dengan Syarikat Milikan RISDA yang lain seperti RISDA ESTATE, RISDA Plantation, RISDA Ventures dan Permodalan RISDA Berhad. Saya berharap agar status Gred A ini berterusan untuk selama-lamanya bagi memastikan pulangan pendapatan yang tinggi kepada Syarikat dan RISDA amnya.

7. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada penerima APC dan Pusat-Pusat Kos yang berjaya. Bagi pegawai dan kakitangan yang tidak terpilih, berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan tahun hadapan adalah giliran anda pula. Kekalkan semangat bekerja dalam sebuah pasukan dan terus bersatu hati mempamerkan kecemerlangan serta prestasi kerja warga RISDA. Siapa tahu berkat usaha dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memperlihatkan kecemerlangan diri anda sendiri dan berpeluang untuk berdiri di atas pentas ini sebagai penerima APC pada tahun hadapan pula. Sesungguhnya kejayaan yang kita kecapi hari ini tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang padu daripada tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, besarlah harapan saya kepada semua kakitangan RISDA Fleet untuk mengubah sikap kepada sikap yang positif, mempunyai perasaan bangga menjadi warga RISDA. Dengan kata-kata itu, dengan lafaz suci bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan **Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) RISDA Fleet Sdn.Bhd Tahun 2017.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih**